

31 JAN 2003

Nik Aziz-Wanita

PAS KELANTAN SEDIA BERI PELUANG WANITA JADI CALON P/RAYA

KOTA BAHARU, 31 Jan (Bernama) -- PAS Kelantan bersedia memberi peluang kepada mana-mana wanita dari parti itu untuk bertanding sebagai calon pilihan raya umum akan datang, di Kelantan.

Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata wanita berkenaan mestilah mempunyai kelayakan dan masyarakat boleh menerimanya untuk bertanding.

"Kelantan beri peluang kepada muslimat (wanita) kita untuk menjadi calon (pilihan raya) tetapi sehingga sekarang kita belum bermesyuarat untuk menentukan sesiapa yang layak," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan angpau kepada warga tua dan kurang upaya masyarakat Cina di sini hari ini, sempena perayaan Tahun Baru Cina.

Nik Aziz, yang juga Mursyidul Am PAS mengulas kenyataan Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang semalam, bahawa PAS akan meletakkan calon wanita bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Sementara itu, Nik Aziz berkata kerajaan negeri akan mengambil tindakan terhadap guru sekolah agama rakyat (SAR) di negeri itu yang terbukti mengajar penuntutnya perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam sebenar.

"Jangan cakap perkara yang tidak ada hujah, tunjukkan di Kelantan ini siapa dia, saya akan ambil tindakan," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa tindakan tidak mengekalkan SAR kerana kerajaan dan Umno mahu menyelamatkan pelajaran agama Islam dan penuntut sekolah itu daripada didikan perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam sebenar.

Sempena sambutan Tahun Baru Cina, Nik Aziz mahukan masyarakat berbilang bangsa di negara ini terus hidup dalam keadaan aman dan bersimpati antara satu sama lain terutamanya kepada orang tua dan kanak-kanak.

-- BERNAMA

BD ROS